

Kian ramai ikrar derma organ

■ 95 individu nyata hasrat pada program anjuran Klinik Kesihatan USIM

Oleh Mohd Amin Jall
am@mediaprima.com.my
Nilai

Pendermaan organ semakin diterima masyarakat secara positif apabila jumlah individu yang ingin menjadi penderma bertambah dari setahun ke setahun.

Begitupun usaha perlu di-giatkan bagi menarik lebih ramai golongan muda termasuk pelajar mendaftar diri sebagai penderma organ.

Penolong Pegawai Perhubungan Awam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Noorumaina Mohamed Yunus berkata, menyedari perkara itu, Klinik Unit Kesihatan Universiti USIM de-



PELAJAR USIM yang menyertai Kempen Pendermaan Organ 2013.

FAKTA
Program tarik
400 pengunjung

ngan kerjasama urus setia Perlin-dungan Perubatan Pelajar (U3P) USIM menganjurkan Kem-pen Pendermaan Organ 2013, di Dewan Kuliah Utama Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, program itu menarik 400 pengunjung serta mendapat sokongan Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNS) dan Hospital

TuanKu Najihah Kuala Pilah. Noorumaina berkata, pihaknya merekodkan 95 individu sebagai pengikrar penderma organ menerusi program itu yang bertujuan memberi pencerahan kepada mahasiswa dan mahasiswa mengenai pendermaan organ.

"Duta pendermaan organ yang juga penyampai radio Hot FM Maskiran Jaskiran atau lebih dikenali sebagai Kieran turut hadir meme-

riahkan program.

"Selain itu, pakar Anestesiologi dari Hospital TuanKu Najihah Dr Saiful Alzar Kesut dan bekas pesakit buah pinggang Rulyzam Rahmat turut berkongsi pengalaman dengan pelajar dan mereka yang hadir," katanya.

Sementara itu, Dr Saiful Alzar berkata, pendermaan organ selepas meninggal dunia diharuskan dalam Islam, malah fatwa Majlis Fatwa

Kebangsaan pada 1970 mengharuskan pendermaan organ kadaverik tetapi mengharamkan aktiviti jual beli organ.

"Oleh itu, jalan yang paling sesuai mengurangkan aktiviti jual beli organ adalah dengan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai pendermaan organ termasuk melalui program kempen diadakan ini," katanya.

Naib Canselor USIM Prof

Datuk Asin Dollah yang merasmikan kempen berkenaan berkata, program itu mampu memberi maklumat jelas kepada orang ramai mengenai aspek pendermaan organ.

"Program ini bukan saja dapat membantu orang ramai dan pelajar berhubung isu ini malah boleh dijadikan pencetus kepada usaha menggalakkan lebih ramai individu mendaftar sebagai penderma," katanya.